




**CERMIN MATA...Francis (tengah) menyampaikan cermin mata kepada salah seorang penerima cermin mata sebagai simbolik perasmian program itu.**



**RAKAM KENANGAN...Francis, Suhaili, Dr. Tan dan Dr. Muthu merakamkan kenangan bersama-sama dengan ahli Persatuan Lions Club.**

**PENERIMA...Sebahagian daripada orang ramai yang hadir menerima rawatan pemeriksaan mata secara percuma pada program itu.**



## 200 penduduk Tenom layak terima cermin mata percuma

NST 04-09-2012 8

TENOM: Seramai 200 penduduk di daerah ini yang layak menerima cermin mata percuma pada Program Kesihatan Kawasan Parlimen Tenom, pada Ahad.

Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi, berkata program ini merupakan perkhidmatan sukarelawan bersama dengan Persatuan Lions Club Kota Kinabalu dan Tenom bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan cermin mata secara percuma.

Katanya, kesihatan tubuh badan adalah faktor penting kepada kelancaran perjalanan hidup seseorang individu itu.

"Tanpa kesihatan yang baik, banyak perkara tidak dapat dilakukan dengan sempurna tidak kira kesihatan terhadap penjagaan mata, tekanan darah, kadar kolestrol dalam badan dan sebagainya.

"Program kesihatan ini sekurang-kurangnya dapat membantu masyarakat di sini yang mengalami masalah kesihatan dan tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan mendapatkan pemeriksaan secara percuma tanpa dikenakan apa-apa bayaran.

"Oleh itu, saya harap penduduk di sini dapat menggunakan peluang ini dengan sebaiknya kerana peluang seperti ini jarang diperolehi lebih-lebih lagi kadar pemeriksaan kesihatan yang semakin meningkat hari ini," katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Parlimen Tenom, Francis Leong ketika merasmikan Program Kesihatan Kawasan Parlimen Tenom anjuran bersama Persatuan Lions Club Kota Kinabalu dan Tenom, di

Dewan Datuk Seri Panglima Antenom, pada Ahad lepas.

Tambahnya, mereka yang telah mendapatkan pemeriksaan kesihatan juga akan mendapat bantuan pengurusan pemeriksaan selanjutnya melalui Persatuan Lions Club sekiranya mengalami masalah kesihatan yang serius seperti memerlukan pembedahan mata.

"Inisiatif yang dilakukan bersama dengan Persatuan Lions Club ini merupakan tanggungjawab sosial bagi membantu masyarakat luar bandar dalam mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma termasuklah seperti di Kg. Rundum dan Kg. Sumambu yang terletak jauh dari kawasan Pekan Tenom.

"Masyarakat daerah ini bersyukur kerana mempunyai pemimpin yang memahami dan membantu dalam mengurangkan beban serta masalah yang dihadapi oleh penduduk daerah ini terutamanya dalam aspek kesihatan," katanya.

Hampir 2,000 penduduk di daerah ini dari semua peringkat umur menghadiri pemeriksaan kesihatan sempena Program Kesihatan Kawasan Parlimen Tenom anjuran bersama Persatuan Lions Club dengan disertai oleh Pelajar jurusan Perubatan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh Pakar Kesihatan Mata, Dr. BMuthu.

Hadir sama, Gabenor Wilayah Lion Club Tenom selaku Pengerusi Penganjur, Dr. Tan Su Koon, Timbalan Ketua Bahagian Umno Tenom, Suhailli Guraiman, Ketua Masyarakat Cina, Kapitan Ng Tet Haw selaku Presiden Persatuan Lions Club Tenom dan Ketua Bahagian MCA Tenom, Kapitan Yong Yaw Chen. **-OLEH MIZRON MARALANG**